

# Reaksi kekalahan Dr. Mahathir

Um - 11/9/2006

KEPUTUSAN tersebut membawa dua mesej iaitu kepentingan parti lebih utama daripada individu dan perwakilan kini matang untuk menilai yang terbaik untuk parti.

Saya harap Tun menerimanya dengan hati terbuka. Kita hormati beliau untuk bertanding meskipun sebenarnya tahu ia akan menyulitkan keadaan.

**- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein**

LUPAKAN episod lama dan kritikan Tun terhadap Pak Lah. Marilah kita tumpukan usaha dan sokongan kepada Pak Lah supaya beliau dapat menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

**- Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob**

KITA memang agak kecewa kerana Tun merupakan pemimpin yang banyak berjasa kepada negara. Mungkin juga ada yang cuba menyekat Tun menjadi perwakilan, itu kita tidak pasti

sama ada niat itu baik atau tidak.

**- Ketua UMNO Bahagian Padang Besar, Datuk Zahidi Zainul Abidin**

KEGAGALAN Dr. Mahathir itu bukan bererti jasanya tidak dikenang oleh parti. Tetapi ahli lebih menghormati struktur parti itu sendiri. Ahli UMNO sebenarnya sukar untuk menerima pemimpin yang sudah beralih dari struktur yang sedia ada.

**- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mahdzir Khalid**

APA yang hendak diulas lagi. Itu keputusan perwakilan tetapi jika ia ditanya oleh kaum Cina dan India yang akan melihat bangsa Melayu sebagai bangsa yang tidak tahu berterima kasih atau sesiapa juga, apa yang hendak saya jawab, sebaliknya berasa malu atas layanan sebegitu terhadap beliau (Dr. Mahathir).

**- Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Aziz Samsudin**

WALAUPUN tewas dalam pemilihan UMNO Kubang Pasu, Dr. Mahathir sepatutnya dijemput ke perhimpunan itu. Mengenai kekalahannya sebagai perwakilan UMNO Kubang Pasu, saya tidak mahu mengulas lanjut.

**- Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam**

SEPATUTNYA bekas Perdana Menteri tidak bertanding dalam pemilihan itu. Namun, ia sudah terjadi dan tiada apa yang boleh dielakkan. Paling penting semua pihak dapat menerima keputusan dengan hati terbuka termasuk Dr. Mahathir.

**- Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim**

KEGAGALAN Dr. Mahathir untuk menjadi perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO November ini menandakan berakhirnya era kepimpinan bekas Perdana Menteri itu. Keputusan ini tanda bermulanya era kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah memegang tampuk kepimpinan selama tiga tahun.

**- Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad**